

BERITA HARIAN, SABTU, 24 OKTOBER, 1981

Haji Ali angkat sumpah MB baru akhir Okt

KUALA LUMPUR, Jumaat — Haji Ali Ahmad dijangka mengangkat sumpah menjadi Menteri Besar Perlis ketiga akhir bulan ini.

Beliaumenggantikan Datuk Haji Jaafar Hassan yang berhenti atas sebab-sebab kesihatan.

Berita Harian difahamkan Haji Ali akan memulakan tugas barunya mulai 1 November ini secara rasmi.

Datuk Jaafar telahpun menyerahkan surat perletakan jawatan kepada Raja Perlis semalam. Raja Perlis menerima serta memperkenan permohonan perletakan jawatan beliau.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telahpun menerima perletakan jawatan Datuk Jaafar semasa pertemuan yang diadakan di Kuala Lumpur tempoh hari.

Berikutan dengan perletakan jawatan Menteri Besar, Datuk Jaafar juga melepaskan semua jawatan politik yang disandangnya sekarang, selaku Ketua Barisan Nasional, Ketua Perhubungan UMNO, Ketua Bahagian UMNO Kangar dan Ketua UMNO cawangan Kangar.

Datuk Seri Dr. Mahathir telah mengumumkan nama Haji Ali sebagai Menteri Besar baru kepada Raja Perlis sebak sahaja Datuk Jaafar meletakkan jawatan.

Berita Harian difahamkan, Datuk Seri Dr. Mahathir dijangka akan menyebarkan surat pencalonan rasmi kepada Raja Perlis dalam minggu depan sebelum tempoh cuti Datuk Jaafar tamat 31 Oktober ini.

Datuk Jaafar mula bercuti sejak Januari tahun ini kerana menjalani pembedahan saluran jantung di London.

Beliau telah dibedah sebanyak tiga kali ketika berada di London dan kini masih berada dalam keadaan uzur.

Haji Ali, seorang anggota Exco Kanan telah memangku jawatan Menteri Besar Perlis sepanjang percutian Datuk Jaafar sehingga hari ini.

Berita Harian difahamkan juga kekosongan jawatan Exco berikutan dengan perantikan Haji Ali tersebut dijangka akan diisi oleh salah seorang dari wakil ADUN dari Bahagian Kangar.

Nama yang disebut-sebut sekarang ini ialah Setiausaha Politik kepada Menteri Besar sendiri iaitu Haji Ahmad Said, yang juga ADUN kawasan Chuping.

Perlis mempunyai empat orang Exco, iaitu Encik Tan Thean Choo (MCA), Encik Mohd. Zain Hamzah dan Encik Mohd. Noor Ayub serta Haji Ali Ahmad sendiri (UMNO).